



**KENYATAAN MEDIA**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

---

**PELAKSANAAN KAJIAN EMPIRIKAL PENGASINGAN KUASA**  
**PEGUAM NEGARA DAN PENDAKWA RAYA DI OTTAWA, KANADA**

**OTTAWA, 8 Mei 2024** – Susulan Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Komparatif Inisiatif Pengasingan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya yang telah diadakan pada 2 April yang lalu, saya bersama delegasi kini berada di Ottawa, Kanada untuk menjalankan kajian secara terperinci mengenai konsep yang diamalkan di negara berkenaan untuk mendapatkan keterangan secara terus (*direct evidence*) dan sebagai rujukan amalan terbaik (*best practice*) dalam usaha untuk mengenal pasti model yang sesuai bagi Malaysia.

Delegasi Malaysia dalam kajian empirikal ini terdiri daripada Yang Berhormat Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi Parlimen Malaysia, Yang Berhormat Datuk Haji Awang bin Hashim, Ahli Parlimen Pendang yang mewakili blok pembangkang dan Yang Berhormat Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji, Ahli Parlimen Jelutong, pegawai-pegawai kanan daripada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) dan Jabatan Peguam Negara (AGC) serta Presiden Majlis Peguam Malaysia.

Kajian empirikal ini telah dimulakan dengan sesi rundingan meja bulat pakar anjuran bersama oleh BHEUU, JPM, *University of Ottawa* dan Universiti Malaya yang bertujuan untuk memudah cara dialog tentang struktur dan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya yang diamalkan di Malaysia dan Kanada. Sesi yang dikendalikan oleh Professor Dr. Jason Chuah, Dekan Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya selaku moderator, disertai oleh seramai lebih daripada tiga puluh (30) orang ahli panel dan penceramah khas daripada Malaysia dan

Kanada. Antaranya termasuk Professor Jennifer Quaid, Timbalan Dekan Fakulti Undang-Undang di *University of Ottawa*, Professor Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi, Pensyarah Undang-Undang dan Pemegang Kursi Tunku Abdul Rahman di Universiti Malaya serta ahli-ahli akademik daripada beberapa universiti terkemuka Malaysia dan Kanada.

Selain pakar akademik, ahli panel dalam sesi tersebut terdiri daripada wakil-wakil pertubuhan masyarakat sivil dan pertubuhan bukan kerajaan yang berkerpentingan seperti *All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) on Integrity, Governance and Anti-Corruption (IGARI)*, *Human Rights Commission of Malaysia (SUHAKAM)*, *The Coalition for Clean and Fair Elections*, BERSIH, *The Center to Combat Corruption and Cronyism (C4 Center)*, *The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)*, *Transparency International* dan *Stability and Accountability for Malaysia (Projek SAMA)*. Perbincangan sesi tersebut telah memfokuskan kepada beberapa perkara utama termasuk aspek budi bicara pendakwaan (*prosecutorial discretion*), kebebasan (*independence*) dan Doktrin Shawcross (*Shawcross Doctrine*). Selain itu, diskusi turut tertumpu kepada sistem yang sedang diamalkan di Kanada penerangan tentang keperluan pemisahan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya di Malaysia.

Usai sesi rundingan meja bulat, saya dan delegasi Malaysia mengadakan pertemuan dalam satu Mesyuarat bersama Tuan Yang Terutama Arif Virani, Menteri Kehakiman dan Peguam Negara Kanada di pejabat beliau di *Justice Canada*. Delegasi Malaysia menggunakan peluang pertemuan ini untuk memahami proses pemisahan kuasa yang dilalui oleh Kanada misalnya tahap pengasingan kuasa, peranan dan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya serta jika terdapat isu-isu kebangkit pasca pemisahan dan persoalan utama iaitu faktor yang mendorong Kerajaan Kanada melaksanakan pengasingan kuasa itu pada tahun 2006. TYT Arif turut berkongsi pengalaman Kanada pada masa itu termasuk kejayaan, cabaran, implikasi perundangan dan kewangan serta penerimaan daripada sektor perundangan dan rakyat secara umumnya.

Bagi memastikan dapatan kajian empirikal ini memenuhi peranannya sebagai asas kukuh dalam pelaksanaan inisiatif pengasingan kuasa ini, Delegasi Malaysia telah dijadualkan untuk menghadiri beberapa siri pertemuan dan mesyuarat penting dengan pegawai-pegawai tinggi

Kerajaan Kanada pada hari esok dan seterusnya bagi bertukar-tukar pandangan serta perkongsian maklumat dan pengetahuan terutama dalam pengalaman bernilai mereka yang berjaya melaksanakan pengasingan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya hampir 20 tahun yang lalu. Ini termasuklah mesyuarat bersama Tuan Yang Terutama Greg Fergus PC MP, Speaker, *House of Commons*, Parlimen Kanada, Penolong Timbalan Menteri Undang-Undang Awam dan Sektor Perkhidmatan Perundangan dalam Keadilan, Kanada, Pertemuan dengan Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kehakiman dan Peguam Negara Kanada dan berberapa lagi pertemuan dengan Pengarah Pendakwaan Awam Kanada.

Sekretariat Jawatankuasa Kajian Empirikal Pengasingan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya juga bertanggungjawab menyediakan sebuah laporan selepas kajian empirikal dilaksanakan di sesuatu negara. Ini penting kerana laporan tersebut akan membentuk komponen utama dalam laporan interim dan laporan akhir kajian ini yang akan dibentangkan untuk pertimbangan Jemaah Menteri. Kajian empirikal ini merupakan bukti jelas komitmen Kerajaan MADANI dalam merealisasikan agenda reformasi institusi bagi memastikan tadbir urus negara terus dipertingkatkan untuk kesejahteraan rakyat dan negara.

**AZALINA OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**  
**8 Mei 2024**